

# Rezeki musim tengkujuh

Sinar Harian 8/12/2019 mlj 32.

*Penduduk tangkap ikan dalam kawasan dinaiki air banjir*

RAHAYU MUSTAFA

SETIU

**M**usim tengkujuh diibaratkan musibah namun membuka pintu rezeki kepada golongan yang gemar melakukan aktiviti menjala dan menahan pukut.

Limpahan air membawa bersama pelbagai jenis spesies ikan sungai seperti keli, puyu, baung, lampam dan haruan.

Lebih menarik ikan berkenaan terus dijual kepada pembeli di tepi jalan.

Peneroka, Othman Ismail, 62, dari Fel-da Selasih berkata, dia akan menahan pukut di kawasan dinaiki air dan mampu memperoleh antara 30 hingga 40 kilogram ikan sehari.

Menurutnya, dia yang dibantu anaknya, Faizal, 36, akan menahan pukut di lokasi tertentu seawal jam 7 pagi dengan menaiki bot dan pulang sebelum kembali semula mengangkut pukut berkenaan pada



Othman (kanan) bersama anaknya menunjukkan ikan haruan yang ditangkap semalam.

waktu tengah hari.

“Jumlah ikan yang dapat tidak menentu, sehari mungkin boleh dapat 30 kilogram dan selepas dinaikkan, saya terus jual kepada orang ramai di tepi jalan. Mereka berhenti, pilih ikan dan bayar.

“Ikan keli, lampam jawa dan baung dijual sekitar RM15 sekilogram manakala puyu dan haruan pula antara RM10 hingga RM12 sekilogram bergantung kepada saiz dan jenis ikan.

“Dalam tempoh sejam, ikan-ikan ini

habis dijual kepada penggemar ikan darat,” katanya ketika ditemui di Kampung Nyatuh di sini semalam.

Othman berkata, aktiviti menahan pukut pada musim tengkujuh sudah sebatu dalam dirinya sejak 10 tahun lalu dan hobi itu mampu memberinya pendapatan sehingga RM200 sehari.

Selain Kampung Nyatuh katanya, dia turut menahan pukut di lokasi di sekitar Besut dan Setiu bergantung kepada keadaan semasa paras air serta cuaca.